

Permintaan berganda udang galah menjelang Tahun Baharu Cina

UM 20/1/2025 pg 7

KUALA PILAH: Menjelang sambutan Tahun Baharu Cina tidak lama lagi, permintaan terhadap udang galah turut meningkat.

Seorang penternak udang galah di Seri Menanti di sini, Mohamad Izzudin Jizan, 36, berkata, permintaan turut diterima daripada restoran di Singapura.

"Memang potensi penternakan udang galah ini sangat baik, saya sudah usahakannya sejak saya berusia 21 tahun sehingga sekarang, pasarananya luas termasuk dalam kalangan pengusaha kolam memancing.

"Ketika ini harga jualannya antara RM70 hingga RM80 sekilogram," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di Kampung Jumbang di sini semalam.

Katanya lagi, kebanyakan pembeli akan terus ke kolam ternakannya untuk mengambil bekalan udang galah yang hanya akan dijual dalam saiz sekurang-kurangnya empat inci.

"Biasanya kalaú saiz ini dalam 17 hingga ke 20 ekor bagi setiap satu kilogram, setakat ini

saya mampu mengeluarkan hasil sehingga 500 kilogram dalam sebulan," katanya.

Mohamad Izzudin dalam pada itu, memberitahu, walau pun mempunyai kira-kira 21 kolam ternakan udang galah, ia masih tidak mencukupi bagi menampung permintaan yang diterima ketika ini.

"Ternakan udang galah ini juga tidak bermusim, permintaannya sentiasa ada terutama semasa musim perayaan

"Kini saya mengusahakan semua kolam ternakan di atas tanah pajakan milik penduduk kampung. Saya harap dapat mengusahakan lebih banyak lagi kolam ternakan bagi menuhi permintaan.

"Namun masalah dihadapi adalah kekangan tanah bersesuaian bagi mengusahakannya, saya harap ada pihak dapat membantu. Setakat ini pelbagai agensi memberikan bantuan termasuk dari segi geran dan kelengkapan serta peralatan ternakan," katanya.